

Pendidikan celaru tanpa PTPTN

B/14 9/4/12 M54

Subsidi kerajaan tampung kos pengajian tinggi, buka lebih peluang

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin dan Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail
bhnews@bharian.com.my

PASIR GUDANG: Sistem pendidikan negara akan menjadi celaru jika janji pembangkang yang mahu memberikan pendidikan percuma pada peringkat pengajian tinggi dilaksanakan dan menghapus kira pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata selain kos pembiayaan PTPTN berjumlah RM43 bilion yang ditanggung kerajaan, pelaksanaannya juga akan menyebabkan rakyat hanya memohon memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan mengabaikan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

“Jika dilaksanakan, apa yang jadi kepada IPTS yang mengenakan yuran. Pelaksanaannya juga akan menyebabkan pendidikan di IPTA tidak dapat diperluaskan kerana kekangan kewangan yang dihadapi kerajaan.

“Dalam hal pendidikan, kerajaan memberikan pendidikan percuma

di sekolah rendah hingga menengah. Malah, pada peringkat pendidikan tinggi pun, pelajar hanya dikenakan sebahagian bayaran iaitu kira-kira 10 peratus dengan baki 90 peratus disubsidi kerajaan.

“Sebagai contoh, bagi pengajian kejuruteraan, pelajar hanya membayar kira-kira RM4,000 sebagai yuran pengajian, padahal kos sebenar RM60,000 yang ditanggung melalui subsidi kerajaan.

“Di negara yang disebut pem-



Jika dilaksanakan, apa yang jadi kepada IPTS yang mengenakan yuran.

Pelaksanaannya juga akan menyebabkan pendidikan di IPTA tidak dapat diperluaskan kerana kekangan kewangan yang dihadapi kerajaan

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi

bangkang seperti Norway, cukai pendapatan dikenakan tinggi bagi menampung kos pendidikan dan mereka tidak mempunyai subsidi bagi barangan seperti petrol, barangan makanan dan subsidi lain yang diperkenalkan kerajaan negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri majlis penutupan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cabaran Orienteering 1Malaysia Edisi Ke-3 di sini, semalam. Hadir sama Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak turut menemipelak cadangan pembangkang itu kerana jika pembiayaan PTPTN dihapus kira, rakyat perlu menanggung RM43 bilion menerusi pembayaran cukai.

Mohamed Khaled berkata, pendidikan tinggi juga satu pelaburan untuk individu dengan mereka yang mendapat pendidikan tinggi akan mendapat pekerjaan yang baik apabila tamat pendidikan.

“Dalam hal ini adakah wajar kerajaan menanggung semua kos,” tanya-

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said, menyifatkan janji pembangkang untuk menghapus kira pembiayaan pendidikan, termasuk PTPTN dan Yayasan Terengganu (YT) hanya omong kosong, kerana PAS sendiri tidak menyediakan pendidikan percuma di tadika dan sekolah agamanya.

Sambil menyifatkannya sebagai khayalan pembangkang, Ahmad berkata PAS sendiri mengenakan bayaran tinggi untuk sekolah agama dan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kendaliannya.

Justeru, beliau mencabar PAS menghapuskan bayaran melebihi RM100 sebulan dikenakan di PASTI, selain menyediakan prasarana sekolah yang lengkap seperti dilakukan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

“Murid PASTI pun kena bayar RM110 sebulan. Buatlah PASTI dan sekolah percuma dulu, makan tanggung semua. Saya cabar PAS buktikan, buat PASTI dan sekolah agama percuma,” katanya selepas menyampaikan e-Book kepada 841 murid dari lapan sekolah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ladang di sini, semalam.